

IMEJ BANDAR TAIPING

Oleh

ROSLAINI BINTI MOHAMAD IDRIS

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam

Mac 1998

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Akhirnya Kajian Imej Bandar Taiping ini berjaya disiapkan mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun kajian ini pasti tidak akan dapat disediakan sebegini rupa tanpa adanya sokongan dan bantuan daripada pihak-pihak tertentu.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Saniah Bt Ahmad Zaki yang telah banyak meluangkan masa untuk saya dalam memberi tunjuk ajar dan pandangan serta teguran yang membina kepada saya untuk menyediakan kajian ini. Ucapan terima kasih ini juga diberikan kepada mereka yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini termasuklah pensyarah-pensyarah yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak Majlis Perbandaran Taiping, Muzium Negeri Perak, Pejabat Tanah dan Daerah Latur Matang dan Selama dan jabatan-jabatan lain yang telah banyak membantu dalam mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Tanpa pertolongan yang diberikan pasti saya tidak dapat menyediakan laporan kajian ini.

Teristimewa buat Mak dan Abah tersayang yang telah bersusah payah menghantar dan mengambil saya ke tapak kajian tanpa mengira penat lelah dan memberi sokongan yang padu kepada saya untuk terus berjuang menuntut ilmu. Buat rakan-rakan, terima kasih di atas tunjuk ajar dan teguran yang diberikan selama ini. Semoga Allah jua yang membalasnya.

ABSTRAK

Imej sesebuah bandar memainkan peranan yang penting yang mana ianya merupakan identiti atau pengenalan bagi bandar tersebut. Pembentukan imej ini disokong oleh elemen-elemen yang terdapat di sekitar kawasan bandar tersebut yang mana ianya merujuk kepada mercutanda, lorong, pinggir, daerah dan pusat tumpuan atau nodes. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti imej yang terbentuk berdasarkan kepada kesan peninggalan sejarah yang terdapat di dalam bandar Taiping ini. Kaedah kajian yang dilakukan bagi menentukan imej bandar Taiping ini ialah dengan melakukan soal selidik, kajian inventori bangunan untuk menandakan bangunan yang mempunyai senibina lama di samping kaedah pengamatan secara keseluruhan kawasan bandar Taiping ini. Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, didapati bangunan-bangunan lama yang ada di dalam bandar Taiping ini banyak mempengaruhi di dalam persepsi manusia dan juga pembentukan imej. Ini kerana bandar Taiping sering dikaitkan sebagai "Bandar Bersejarah" kerana terdapat banyak elemen bersejarah terutamanya bangunan-bangunan lama dan tapak bersejarah seperti Bukit Larut. Pembangunan yang semakin pesat sedikit sebanyak memberi ancaman kepada bangunan-bangunan ini. Selain daripada itu, terdapat banyak elemen-elemen menarik di dalam bandar Taiping yang boleh dieksploitasikan untuk dijadikan sebagai daya tarikan pengunjung sama ada dalam mahupun luar negara.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Lampiran	vi

ISI KANDUNGAN

BAB	1	PENDAHULUAN	
	1.1	Pengenalan	1
	1.2	Kenyataan Masalah	2
	1.3	Tujuan	2
	1.4	Objektif	2
	1.5	Skop Kajian	3
	1.6	Kaedah Kajian	4
	1.6.1	Data Sekunder	4
	1.6.2	Pengamatan	4
	1.6.3	Soalselidik	4
	1.6.4	Inventori	5
	1.7	Metodologi	6
	1.8	Jadual Kerja	7
 BAB	 2	 KAJIAN TEORITIKAL	
	2.1	Pengenalan	8
	2.2	Definisi Imej	8
	2.3	Pembentukan Imej Bandar	9
	2.3.1	Identiti	9
	2.3.2	Makna	10
	2.3.3	Struktur	11
	2.4	Elemen-elemen Asas Di Dalam Imej Bandar	11

BAB1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembentukan sesebuah bandar sering dikaitkan dengan imej yang mana ianya adalah pengenalan bagi sesebuah bandar. Imej adalah penting dan terdiri daripada tiga aspek utama iaitu identiti, makna dan struktur. Identiti merujuk kepada sesuatu kelainan atau keistimewaan yang ada pada sesebuah bandar. Bandar yang berimej mempunyai identitinya atau pengenalannya yang tersendiri.

Ianya merupakan sesuatu yang dapat memberi kesan dan mudah diingati. Walaupun seseorang itu tidak pernah pergi ke bandar tersebut, tetapi disebabkan ianya mempunyai identiti yang tersendiri, secara tidak langsung dia akan dapat menggambarkan akan bandar tersebut berdasarkan kepada imej atau gambaran identiti yang diberikan. Elemen-elemen yang membantu dalam pembentukan imej bandar adalah mercutanda, titik tumpuan atau 'nodes', daerah, lorong dan juga pinggiran.